



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut, Kementerian komited untuk:

1. Melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab memastikan arahan keselamatan Kerajaan dilaksanakan;
2. Memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat;
3. Memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang kebocoran;
4. Menjamin dan mengutamakan konsep keselamatan dan perlindungan ke atas semua aset ICT dan memastikan teknologi terkini digunakan untuk melindungi data dalam menghalang sebarang capaian oleh pihak luar;
5. Memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya yang bertujuan memastikan warga Kementerian, Komuniti Keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut dasar, prosedur undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
6. Memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan, mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*).



(DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB)
KETUA SETIAUSAHA